

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[ KOTA BHARU ]**

**SOALAN : 448**

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **Perdana Menteri** menyatakan berapakah jumlah keseluruhan kakitangan awam mengikut Kementerian dan agensi-agensi yang dilantik secara kontrak dan dianggap lantikan politik sejak pemerintahan Pakatan Harapan.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 1 Januari 2019, jumlah keseluruhan pegawai lantikan kontrak dalam perkhidmatan awam adalah seramai 15,574 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 123 orang pegawai lantikan *Contract of Service* (COS) yang melibatkan perjawatan di Pejabat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri dan Timbalan Menteri telah dibuat pelantikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Bagi pertanyaan berkenaan jumlah pegawai kontrak lantikan politik, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tidak mempunyai definisi yang tetap mengenai tafsiran '*pegawai kontrak lantikan politik*'.

Sekian, terima kasih.